

Syair Negara Merdeka

Padankan rangkap dengan maksud yang sesuai.

Negara kita sudah merdeka Hidup
tenteram sekian lama Bagaikan
bunga yang sedang mekar
Jagalah ia bersama-sama

Negara kita telah lama merdeka
dan hidup aman; kemerdekaan
ini perlu dijaga bersama-sama.

Negara kita berbilang bangsa
Pelbagai budaya pelbagai agama
Suburkan ia selama-lama Jagalah
jangan timbul bencana

Kita perlu bersatu dan
mengelakkan perpecahan kerana
ia boleh membawa keburukan
kepada negara.

Merdeka itu merdeka diri Teguh
prinsip berperibadi Jika datang
cabar dan juga uji Jangan
berganjak walau seinci

Kepelbagaian bangsa, budaya,
dan agama di negara kita harus
dipelihara untuk mengelakkan
konflik.

Merdekalah kita selama-lama
Jauhkan sikap cela mencela
Kalau berpecah sesama kita
Akibatnya buruk akan menimpa

Kemerdekaan diri bermakna
teguh dengan prinsip dan tidak
goyah walau menghadapi
cabaran.

Rukun negara kita patuhi
Agar hidup kita harmoni
Syukuri nikmat Tuhan Rabbani
Hidup selamat dan diberkati

Patuhi Rukun Negara untuk
hidup harmoni dan bersyukur
kepada Tuhan agar hidup
diberkati.